



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM TERUS BERI KESEDARAN ANTIGANGGUAN SEKSUAL

NEGERI SEMBILAN, 10 OGOS – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus mempergiat usaha dalam memberi kesedaran berkaitan gangguan seksual kepada masyarakat di seluruh negara dengan menganjurkan program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual. Pada hari ini, Negeri Sembilan menjadi lokasi keempat penganjuran program advokasi ini selepas Pulau Pinang, Sarawak dan Selangor.

Pelaksanaan program advokasi ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai gangguan seksual, menyebarkan pemakaian garis panduan dan notis antigangguan seksual kepada semua lapisan masyarakat serta menyampaikan maklumat berkenaan bantuan dan perkhidmatan psikososial yang disediakan oleh KPWKM terutama dalam menangani gangguan seksual.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat 477 kes gangguan seksual dilaporkan pada tahun 2022, dengan 90 peratus daripada kes gangguan seksual melibatkan mangsa dalam kalangan kaum wanita dan 19 daripadanya dilaporkan di Negeri Sembilan. Sehubungan itu, KPWKM telah mengambil langkah yang signifikan menerusi penggubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840], sebagai suatu Akta khusus untuk membendung kesalahan gangguan seksual agar tidak terus menjadi barah dalam kehidupan masyarakat.

Di samping itu, program ini juga diharapkan dapat memberikan kesedaran, pendidikan dan pemahaman mengenai gangguan seksual kepada masyarakat

melalui Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual. Program Advokasi ini diharap dapat membuka mata masyarakat agar budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan.

Program pada hari ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertempat di Casa Lagenda Convention Centre, Seremban Negeri Sembilan. Antara pengisian program kali ini ialah sesi Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JKM) , Pengendalian Kes Kesalahan Seksual Terhadap Wanita dan Kanak-kanak oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kesan Gangguan Seksual kepada Kesihatan Mental Mangsa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pendekatan Kaunseling dalam Pengurusan Kes Gangguan Seksual oleh Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) dan pameran daripada agensi-agensi KPWKM serta jualan produk tempatan.

KPWKM mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada agensi kerajaan, swasta, korporat dan semua pihak yang sentiasa memberi sokongan padu kepada usaha KPWKM dalam memberi kesedaran berkaitan gangguan seksual ini kepada masyarakat. KPWKM juga menyeru semua pihak untuk sama-sama menyebarkan mesej kesedaran Antigangguan Seksual ini kepada warga masing-masing.

Turut hadir dalam program ini YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Nicole Tan Lee Koon Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Kebajikan, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dan YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan.

##

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**